

Malaysia, India Perlu Timbang Jalin Perjanjian Perdagangan Dalam Sektor Perkhidmatan

Bernama

18 Julai, 2012

Oleh Santhia Thevi Panjanadan

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- India dan Malaysia perlu mengkaji kemungkinan menandatangani perjanjian perdagangan bebas (FTA) bagi perdagangan sektor perkhidmatan dan pelaburan, dengan menggandakan perjanjian perdagangan antara kedua-dua negara, kata Felo Institute of Peace and Conflict di India, Prof Baladas Ghoshal.

FTA India-Malaysia bagi perdagangan barangan berkuat kuasa tahun lepas dan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif adalah tambahan kepada perjanjian itu yang ditandatangani oleh India dengan Asean, di mana Malaysia adalah negara utamanya.

"Perjanjian perdagangan yang ditandatangani antara kedua-dua negara hanya untuk barangan yang merupakan kelebihan bagi negara-negara Asia Tenggara, khususnya Malaysia.

"Apa yang India mahukan, bagi menyeimbangkan interaksi ekonomi, ialah kedua-dua negara perlu menandatangani perjanjian perkhidmatan dan pelaburan tidak lama lagi," katanya kepada Bernama selepas perbincangan mengenai Dasar Pandang Ke Timur India: Dari Integrasi Ekonomi kepada Pemegang Kepentingan Strategik di Rantau Asia Pasifik" yang dihoskan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa.

Perjanjian itu boleh meningkatkan perdagangan kerana kedua-dua negara akan menerima manfaatnya secara ekonomi, politik dan sosial, jika dilihat kepada hubungan khusus antara rakyat India Malaysia yang berasal dari India.

Perdagangan dua hala India-Malaysia meningkat 32.7 peratus kepada RM38.36 bilion pada tahun lepas selepas FTA itu berkuat kuasa.

Sejak 10 tahun lepas, perdagangan India-Malaysia mencatatkan kadar pertumbuhan perdagangan purata keseluruhan 15.6 peratus.

Kini, katanya hubungan ekonomi India-Malaysia sangat memuaskan tetapi lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan lagi hubungan dan menerima peranan India di rantau ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengambil daya usaha khas dan langkah yang penting untuk mengukuhkan hubungan Malaysia dengan India sejak beliau menjadi pemimpin negara ini dan memberikan hasil yang baik, katanya.

Bagaimana pun, kata Baladas, Malaysia berbanding negara jiran yang lain, kurang memberi sambutan kepada India bagi memainkan peranan lebih aktif di rantau ini.

"Singapura, Thailand, Vietnam, Indonesia dan malah Filipina menyambut baik kehadiran India dan berharap India memainkan peranan lebih aktif di rantau ini."

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681636>

